

UUM ONLINE: Masjid Bukit Kachi diberi nama Al-Syafie selepas berlangsungnya majlis pemasyhuran oleh Tuanku Sultan Kedah yang telah berlangsung dengan meriahnya di Universiti Utara Malaysia (UUM), baru-baru ini.

Masjid yang mula beroperasi pada 18 Oktober 2002 dibina sempena pembukaan dua Dewan Penginapan Pelajar (DPP) iaitu DPP SME Bank dan DPP Bank Rakyat.

Masjid yang berkeluasan 1,144.2 meter persegi itu telah menelan belanja RM3 juta dan mampu menampung 4,500 jemaah dalam suatu masa serta mempunyai pelbagai kemudahan seperti ruang solat, pejabat pentadbiran, bilik perbincangan, bilik kawalan pembesar suara, bilik imam dan tandas.

Ketika pemasyhuran, baginda bertitah supaya pihak jawatankuasa masjid harus lebih terbuka melalui mempelbagaikan aktiviti dakwah kontemporari bagi menarik minat belia.

"Untuk mewujudkan pengurusan masjid mesra belia dan remaja, maka sudah pastilah pengurusan masjid harus melakukan perubahan serta membuka ruang perbincangan untuk menjadikan masjid sebagai sebahagian daripada pusat latihan dan tarbiah remaja serta belia.

"Beta yakin dan percaya tuan-tuan mempunyai kemampuan dan kebolehan mengurus tadbir dan mengimarahkan institusi masjid bertepatan dengan kehendak Islam," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UUM, Prof Dr. Mohamed Mustafa Ishak dengan adanya masjid ini, pelbagai aktiviti keagamaan dapat dilaksanakan demi melahirkan pelajar yang bertakwa kepada Allah SWT dan sekali gus dapat menjalankan pelbagai aktiviti keagamaan yang boleh meningkatkan tahap sahsiah mereka.

Beliau juga berharap agar masjid ini dapat menjadi pemangkin kepada pembinaan ilmu agama dan sahsiah mahasiswa ke arah menjadi insan berpekeriti mulia.

Dalam majlis yang sama, Tuanku Sultan Kedah yang juga Canselor UUM berbuka puasa dengan pihak pengurusan dan warga UUM dan pemberian bantuan kepada 10 penerima terdiri daripada kalangan pelajar UUM.

Habis.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my